From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Tuesday, 5 July, 2022 3:10:08 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: 249 Pelajar Semester Pertama STHEM Terima Anugerah Dekan

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

5 JULAI 2022 / 5 ZULHIJJAH 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Aida Rasyidah Ahmad Muaen
Gambar oleh: STHEM

249 PELAJAR SEMESTER PERTAMA STHEM TERIMA ANUGERAH DEKAN



UUM ONLINE: Seramai 249 pelajar semester pertama 2021/2022 Sesi A211 dari Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara (STHEM) telah menerima sijil Anugerah Dekan di Dewan Konvensyen A, Pusat Konvensyen, baru-baru ini.

Kesemua pelajar tersebut merupakan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan, Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Hospitaliti dan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Acara yang menerima sijil berkenaan daripada Dekan STHEM, Prof. Madya Dr. Kamal Izzuwan Ramli.

Dalam ucapan Kamal Izzuwan berkata, beliau bersyukur kerana dapat meraikan semua pelajar terlibat dalam Majlis Anugerah Dekan secara bersemuka meskipun sesi pembelajaran masih dijalankan secara atas talian pada Semester Pertama 2021/2022 Sesi A211 yang lalu.

“Alhamdulillah kerana pada sesi kali ini kita dapat menganjurkan Majlis Anugerah Dekan secara bersemuka setelah beberapa sesi dijalankan secara atas talian semasa pandemik Covid-19 melanda dan pelajar tidak berada di dalam kampus pada ketika itu.

“Saya berharap pengiktirafan akademik melalui sijil Anugerah Dekan ini menjadi pembakar semangat kepada semua pelajar STHEM untuk terus berusaha mendapatkan keputusan cemerlang, tambahan pula kini kelas secara fizikal telah dibenarkan bermula Semester Kedua 2021/2022 Sesi A212,” katanya.

Hadir sama, Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa), Dr. Ahmad Edwin Mohamed; Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Dr. Siti Noormala Jailani; Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi), Dr. Eshaby Mustafa; Pengerusi Program Pengurusan Pelancongan. Mohamad Khairi Mohamad @ Alwi dan Pengerusi Program Pengurusan Hospitaliti, Dr. Roshita Abdul Razak serta pensyarah STHEM.







Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.